

17/12/1997

Ekonomi negara pulih lebih cepat

Kadir Dikoh

MALAYSIA, yang asas ekonominya masih kukuh akan berupaya pulih dengan lebih cepat untuk membebaskan diri daripada belenggu kegawatan ekonomi serantau berbanding negara Asean lain, kata bekas ahli ekonomi kanan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Dr Nguyen Xuan Oanh berkata, selain Singapura, ekonomi Malaysia adalah antara yang paling mantap di rantau ini dan pelbagai tindakan positifnya, termasuk langkah mengukuhkan sistem perbankan serta kewangan, secara perlahan akan mengembalikan keyakinan masyarakat antarabangsa.

Dalam satu pertemuan dengan Berita Harian di Petaling Jaya semalam, bekas Timbalan Perdana Menteri bagi ekonomi dan kewangan Vietnam itu berkata, sebaliknya negara anggota Asean lain mungkin mengambil masa sedikit untuk ekonomi mereka kembali pulih.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu serius untuk menangani kegawatan ekonomi Malaysia setelah tercetus krisis mata wang serantau bermula dengan pengapungan baht Thailand Julai lalu.

"(Ekonomi) Malaysia (masih) cemerlang dan begitu juga Singapura, tetapi yang lainnya tidak begitu memuaskan terutama Thailand dan Indonesia. Keseluruhannya, saya begitu yakin ekonomi Asean akan pulih dan paling cepat dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun lagi.

"Bagaimanapun, untuk mengembali keyakinan masyarakat antarabangsa, bukan satu perkara mudah dan negara Asean perlu memperbaharui serta memperbaiki sistem perbankan dan kewangannya," katanya.

Terdahulu, Dr Nguyen yang kini menceburi bidang perniagaan melalui syarikatnya N X Oanh Associates Ltd Vietnam menghadiri sidang Penghormatan Sektor Swasta kepada Asean sebagai salah seorang pembentang kertas kerja berkaitan pembangunan Lembah Mekong.

Beliau yang juga bekas Gabenor Bank Pusat Vietnam berkata, sementara Malaysia cepat bertindak untuk menangani keadaan ekonomi semasa, beberapa negara anggota Asean yang lain masih dalam proses 'belajar' termasuk kaedah mengendalikan sistem perbankan 'dan sekarang adalah masa yang sesuai untuk belajar'.

Bagaimanapun katanya, bagi membantu memulihkan ekonomi serantau dan mengembalikan keyakinan masyarakat pelabur, negara anggota perlu menghindarkan diri daripada campur tangan dalam pasaran.

"Biarkan kuasa pasaran menentukan keadaan supaya ia tidak menjadi seperti 'pasaran palsu' yang tidak baik untuk ekonomi. Dengan berbuat demikian, akan secara perlahan mengembalikan keyakinan masyarakat antarabangsa.

"Kita harus ingat, negara Asean sering bergantung kepada satu sama lain dan sebarang krisis ekonomi negara anggota, akan mudah berjangkit ke negara jiran. Thailand misalnya, teruk dilanda krisis kerana kesilapan dibuat oleh pengendali bank," katanya.

Mengenai persetujuan pemimpin Asean kelmarin untuk meningkatkan interaksi perdagangan dalam rantau ini sebagai cara bagi mengatasi kemerosotan nilai mata wang mereka, beliau berkata, ia boleh dilaksanakan, tetapi mengambil masa sehingga keadaan ekonomi mulai pulih.

(END)